



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

8 JANUARI 2026 (KHAMIS)

Bantu Penternak, Kelantan Serious Perkasa Sekuriti Makanan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harakah	Kelantan	10	8 Jan

Bantu penternak, Kelantan serius perkasa sekuriti makanan

KOTA BHARU: Kerajaan Negeri Kelantan memperkukuh komitmen memperkukuh sekuriti makanan dan keselamatan industri penternakan tempatan apabila membuka permohonan Bantuan Kerajaan Negeri Tahun 2026 melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan (DVS Kelantan).

Inisiatif tersebut menyasarkan penternak dan usahawan ternakan berpotensi bagi meningkatkan pengeluaran hasil ternakan, menambah pendapatan pengusahanya serta mengurangkan kebergantungan kepada bekalan luar negeri.

Menurut DVS Kelantan, permohonan dibuka bermula 1 hingga 31 Januari 2026 melibatkan pelbagai bentuk sokongan merangkumi Bantuan Pawah Ternakan seperti ternak hibrid, kambing tenusu dan rusa, selain Bantuan Input Pertanian termasuk mesin chopper, mesin rumput, tong silaj serta peralatan sokongan ladang.

Selain itu, kerajaan negeri turut menyediakan ban-



Permohonan melibatkan pelbagai bentuk sokongan merangkumi Bantuan Pawah Ternakan selain Bantuan Input Pertanian.

tuhan pembangunan kepada usahawan Industri Asas-Tani ternakan (IATn), latihan dan kursus kemahiran, Program

Pembangunan NAIMBif serta pembangunan industri unggas sebagai usaha memperkukuh rantaian nilai sektor pen-

ternakan negeri. Bantuan ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang menetap di Kelantan, be-

rumur antara 18 hingga 55 tahun, berdaftar dengan DVS Kelantan sekurang-kurangnya setahun serta memiliki ID Premis yang sah. Pemohon juga perlu komited terhadap pelaksanaan projek dan bersedia dipantau sepanjang tempoh bantuan.

DVS Kelantan menegaskan bahawa bantuan yang sama tidak dibenarkan diterima secara bertindih dalam tempoh tiga tahun bagi memastikan agihan lebih adli dan berkesan.

Dari segi permohonan, penternak perlu melalui saringan awal secara dalam talian melalui Borang Google atau kod QR sebelum mengambil dan menghantar borang rasmi ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Jajahan mengikut lokasi ladang.

Langkah berkenaan mencerminkan kesungguhan kerajaan negeri memperkasakan industri penternakan sebagai antara tonggak penting ekonomi luar bandar dan jaminan bekalan makanan rakyat Kelantan.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR